



**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**"KENYATAAN MEDIA ISU KENDERAAN JABATAN DILANGGAR  
PEMANDU BACKHOE"**

Berhubung video tular yang memaparkan pemandu sebuah kenderaan jenis 'backhoe' yang **melanggar dan merosakkan kenderaan JPJ** di Keningau Sabah, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia memandang serius perkara tersebut dan menyifatkan ianya adalah tindakan **menghalang** pihak penguatkuasa yang sedang menjalankan tugas.

Berdasarkan laporan yang diterima JPJ, sebelum kejadian berlaku, sepasukan anggota JPJ sedang melakukan rondaan di sekitar Jalan Kepayang Magatang, Keningau Sabah sebelum melihat sebuah kenderaan jenis 'backhoe' yang **mencurigakan dan memandu secara merbahaya**.

Sejurus itu, anggota bertugas terus bertindak menahan dan melakukan pemeriksaan, di mana didapati pemandu kenderaan tersebut **tidak memiliki lesen memandu yang sah (Lesen Kelas F)**. Anggota JPJ kemudiannya telah mengeluarkan notis saman atas kesalahan yang telah dilakukan, namun pemandu tersebut secara tiba-tiba bertindak berang dan terus melanggar serta merosakkan kenderaan Jabatan, selain telah melakukan **provokasi melampau** untuk melanggar anggota JPJ di lokasi kejadian.

Sehubungan itu, satu **laporan polis** telah dibuat dan siasatan lanjut sedang dilaksanakan oleh pihak polis. JPJ ingin menegaskan bahawa tindakan seperti yang dilakukan oleh pemandu kenderaan jenis 'backhoe' itu adalah **bersifat ugutan** dan telah **mengganggu penjawat awam** dalam melaksanakan tugas pengawal keselamatan jalan raya di lapangan.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA**

1 JULAI 2022



[TAMAT]